

22/02/1998

Kerajaan hadapi masalah laksana hukuman penjara mandatori

KUALA LUMPUR: Kerajaan menghadapi masalah melaksanakan hukuman penjara mandatori terhadap sesuatu kesalahan kerana pihak tertentu sentiasa mencari jalan untuk mengatasi undang-undang yang dikuatkuasakan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Walaupun kita boleh buat sesuatu hukuman itu mandatori, tetapi ada pihak yang cari jalan supaya boleh lari daripada undang-undang," katanya.

Perdana Menteri diminta mengulas keputusan Kabinet minggu lalu untuk mengkaji kemungkinan mewajibkan hukuman penjara terhadap pemandu yang didapati cuai dan memandu secara berbahaya.

Rabu lalu, Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata kajian semula itu akan membabitkan Akta Pengangkutan Jalan dan kementeriannya serta agensi lain yang berkaitan akan mencari definisi paling tepat bagi perkataan cuai sebelum melaksanakan hukuman mandatori itu.

Sebelum ini, Ketua Polis Negara, Tan Sri Rahim Noor juga berkata polis akan menggunakan Seksyen 304 Kanun Keseksaan bagi membolehkan pemandu yang memandu dalam keadaan berbahaya dan menyebabkan kemalangan maut dihukum penjara 20 tahun dan denda.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP) di Pusat Islam di sini semalam, Dr Mahathir bagaimanapun berkata, di negara ini keputusan untuk menghukum seseorang yang melakukan kesalahan, ditentukan hakim.

(END)